

*Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.*

Aku mula berasa cemas. Semalaman hujan turun mencurah-curah. Dari dalam bilik, aku dapat melihat air mula melimpah-limpah. Seseekali terdengar bunyi petir sambar-menyambar.

Semakin lama, aku sekeluarga semakin cemas. Ruang dapur rumahku mula dipenuhi air. Ibu dan ayahku sibuk mengangkat barang-barang untuk diletakkan ke tempat yang selamat. Aku turut membantu setakat yang termampu.

Lebih kurang dua jam kemudian, seluruh rumahku mula dipenuhi air. Pada saat-saat cemas itu, aku terdengar suara pasukan penyelamat meminta aku dan keluarga keluar dari rumah kerana mereka sedang menunggu di luar untuk memindahkan kami. Tanpa berlengah-lengah, kami menurut sahaja perintah pasukan penyelamat itu.

Aku dan penduduk kampung yang lain ditempatkan di sebuah dewan yang terletak di atas bukit. Di sini, aku dapat bertemu dengan jiran tetangga. Sehingga kini, aku tidak pasti bilakah kami dapat pulang semula ke rumah masing-masing kerana hujan masih turun mencurah-curah.

1. Apakah perasaan penulis pada masa itu?

---

---

2. Di manakah penulis dan penduduk kampung ditempatkan pada malam itu?

---

---

3. Pada pendapat kamu, mengapakah pasukan penyelamat mengarahkan keluarga penulis berpindah?

---

---

---

4. Mengapakah penulis dan keluarganya sinuk mengangkat barang-barang?

---

---

---

---

5. Nyatakan satu sikap yang dimiliki oleh penulis dan ibu bapanya dalam peristiwa di atas.

---

---

---

---